

**FAREEDA MEMPERSEMBAHKAN MALAM AMAL  
TAHAJJUD CINTA BERSAMA DATO' SITI NURHALIZA**

**Kuala Lumpur, 4 Disember 2012** - *FAREEDA Mempersembahkan Malam Amal Tahajjud Cinta* merupakan majlis makan malam amal eksklusif yang bakal membuka tirai kalendar sosial tahun 2013. Majlis amal berkonsepkan muzik kerohanian ini menampilkan Dato' Siti Nurhaliza, Selebriti Sokongan Riben Merah Yayasan AIDS Malaysia, yang buat julung-julung kalinya akan mempersembahkan *repertoire* daripada album *Tahajjud Cinta* (2009), serta lagu-lagu popular pilihan yang diberikan nafas dan pengertian baru, dengan iringan muzik Mohram dan susunan muzik oleh Aubrey Suwito. Majlis bakal berlangsung pada 30 Januari 2013 di Grand Hyatt Kuala Lumpur.

“Perjuangan orang yang hidup dengan HIV sememangnya dekat di hati Siti. Pembabitian dalam program Selebriti Sokongan Riben Merah Yayasan AIDS Malaysia semenjak tahun 2009 telah banyak membuka mata Siti tentang realiti sebenar HIV dan AIDS. Insya-Allah, jika diberikan peluang, Siti berhasrat untuk meneruskan lagi sumbangan yang tidak seberapa ini. Inilah hadiah ikhlas daripada hati Siti,” jelas Dato' Siti Nurhaliza tentang motivasi beliau di sebalik program amal ini.

FAREEDA, pereka tudung dan busana Muslimah terkemuka, ialah penaja utama majlis *Malam Amal Tahajjud Cinta*, yang beriltizam untuk mendahului usaha tanggungjawab sosial korporat di kalangan usahawan-usahawan Islam. “Sokongan FAREEDA dalam majlis amal ini menggambarkan komitmen kami dalam mendekati masyarakat dan membantu golongan yang kurang bernasib baik,” ulas Puan Faridah Zakaria, Pengasas FAREEDA.

Grand Hyatt Kuala Lumpur merupakan hotel rasmi untuk majlis amal berkenaan. “Kami di Grand Hyatt Kuala Lumpur berasa amat berbesar hati kerana diberikan peluang untuk terlibat sama dalam inisiatif amal yang dapat meringankan beban orang yang hidup dengan HIV. Inilah cara kami menunaikan tanggungjawab kepada masyarakat Malaysia,” kata Robert Dallimore, Pengurus Besar Grand Hyatt Kuala Lumpur.

Hasil kutipan dana daripada majlis amal ini akan disalurkan kepada dua buah pertubuhan kebajikan, iaitu Yayasan AIDS Malaysia dan Yayasan Ihtimam Malaysia untuk membangunkan program-program pendidikan, pencegahan, rawatan, jagaan dan sokong bantu HIV & AIDS di Malaysia, termasuklah pembinaan sebuah rumah perlindungan untuk wanita dan kanak-kanak yang hidup dengan HIV di Kelantan.

“*FAREEDA Mempersembahkan Malam Amal Tahajjud Cinta* merupakan platform yang amat bersesuaian dengan warga-warga korporat tempatan, khususnya dalam kalangan umat Islam, untuk lebih memahami tentang nasib dan keperluan orang yang hidup dengan HIV, di samping menyalurkan sumbangan ikhlas,” ujar Tuan Haji Yazlan Bin Dato' Yahya, Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Majlis Malam Amal Tahajjud Cinta.



Program penajaan serta penjualan meja untuk majlis *FAREEDA Mempersembahkan Malam Amal Tahajjud Cinta* telahpun bermula. Warga korporat serta pihak-pihak berminat yang lain dialu-alukan untuk menyertai program penajaan majlis *FAREEDA Mempersembahkan Malam Amal Tahajjud Cinta* ini melalui sumbangan bernilai RM 100,000. Manakala, untuk pembelian meja, tempahan boleh dibuat untuk meja berharga RM 35,000 bagi Kategori Berlian, RM 20,000 Kategori Platinum dan RM 10,000 Kategori Emas.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi En Jasmin Jalil di Yayasan AIDS Malaysia menerusi talian 03-40474311 atau emel [jasmin@mac.org.my](mailto:jasmin@mac.org.my) atau En Johary Jalil 03-40474277 / [johary@mac.org.my](mailto:johary@mac.org.my)

[TAMAT]

#### **Tentang FAREEDA**

FAREEDA merupakan pengeluar rekaan tudung eksklusif nombor 1 di Malaysia. Hasil kreativiti pengasas FAREEDA House of Scarf, Faridah Zakaria, setiap tudung ciptaan FAREEDA bukan sahaja berfungsi sebagai penutup aurat wanita tetapi turut menjadi penyeri kepada penampilan mereka. FAREEDA menghasilkan rekaan tudung yang bukan sahaja berkualiti tinggi dan cantik malah mudah digayakan.

#### **Tentang Yayasan AIDS Malaysia**

Yayasan AIDS Malaysia (YAM) ditubuhkan pada tahun 1992 untuk meraih dana dan menguruskan sumber daya untuk menyokong aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Majlis AIDS Malaysia dan Ahli-Ahli Gabungan. YAM dinaungi oleh YABhg Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, isteri kepada Perdana Menteri Malaysia. YAM menjalankan aktiviti bagi mengawal penularan jangkitan HIV di Malaysia, meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai HIV & AIDS, memberi bantuan kepada rakyat Malaysia yang hidup dengan HIV, membantu kanak-kanak yatim, wanita-wanita dan orang dewasa yang hidup dengan HIV, menjaga hak serta memberi bantuan kepada mereka yang hidup dengan HIV.

#### **Tentang Yayasan Ihtimam Malaysia**

Yayasan Ihtimam Malaysia merupakan sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan dan diperakui secara rasmi oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia pada tahun 2012. Fokus perjuangan Yayasan Ihtimam Malaysia adalah pembelaan untuk masyarakat Islam yang terpinggir seperti golongan ibu tunggal, golongan miskin tegar, warga emas yang terabai, remaja yang terlibat dalam kes-kes juvana serta mereka yang terjejas akibat daripada masalah sosial dan kesihatan awam seperti HIV dan AIDS. Selain itu Yayasan Ihtimam Malaysia juga bertindak sebagai penaung kepada NGO-NGO Islam yang turut sama menawarkan sokongan, bantuan dan jagaan untuk kumpulan sasaran yang serupa. Segala usaha yang dijalankan oleh Yayasan Ihtimam Malaysia adalah berteraskan kepada pendekatan Islam serta selari dengan Pelan Strategik JAKIM 2011 - 2014.

#### **Tentang Grand Hyatt Kuala Lumpur**

Grand Hyatt Kuala Lumpur, sebuah hotel yang terdiri daripada 412 bilik penginapan, terletak dalam Menara Darussalam yang juga mengandungi ruang pejabat antara aras 3 dan 15. Bertempat di Jalan Pinang dan bersebelahan dengan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, hotel ini juga menampilkan bilik-bilik penginapan aras permulaan seluas 47 meter persegi, SkyLobby untuk menikmati pemandangan panoramik Menara Berkembar Petronas dan latar langit bandar raya, tiga pilihan tempat untuk menikmati makanan dan minuman, enam tempat unik untuk mengadakan mesyuarat dan acara, selain terapi spa untuk menghilangkan stress dan meningkatkan kesegaran tubuh. Untuk tempahan, sila hubungi Grand Hyatt Kuala Lumpur di talian +603 2182 1234 atau layari [www.kualalumpur.grand.hyatt.com](http://www.kualalumpur.grand.hyatt.com)

**SIARAN AKHBAR**  
UNTUK SIARAN SEGERA

**FAREEDA™**



**UNTUK PERTANYAAN LANJUT, SILA HUBUNGI JABATAN MEDIA & KOMUNIKASI YAYASAN AIDS MALAYSIA**

Ameera Abi	+6016-4146400	<a href="mailto:meera@mac.org.my">meera@mac.org.my</a>
Azahemy Abdullah	+6016-6465874	<a href="mailto:azahemy@mac.org.my">azahemy@mac.org.my</a>